



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PULAU PINANG**

Tingkat 42,  
Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR)  
10000 Pulau Pinang

Tel : 604 - 255 5500 - 507 (8 Talian)  
Faks : 604 - 255 5577  
Email : pneg\_png@anm.gov.my  
Laman Web :  
<https://penang.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM PG 800-9 Jld. 5 (1)  
Tarikh : 30 April 2026

**SEMUA PTJ/PEJABAT PEMUNGUT NEGERI PULAU PINANG**

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan, berikutan konflik yang berlaku di Asia Barat, Kerajaan telah mengarahkan Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan untuk melaksanakan Bekerja Dari Rumah (BDR) sebagai langkah strategik negara dalam memperkukuh kesiapsiagaan mendepani krisis tenaga global. Sehubungan itu, bagi melancarkan proses semakan, Unit Akaun Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah menguatkuasakan penghantaran Sijil Pengesahan Baki bagi semua kod mulai pengesahan baki bulan **April 2026**, dikemukakan secara salinan lembut (*softcopy*) melalui **Google Form**. Panduan dan tatacara penghantaran Sijil Pengesahan Baki adalah seperti di **Lampiran A**.

3. Oleh itu, setiap Sijil Pengesahan Baki yang disediakan hendaklah mematuhi format yang telah ditetapkan mengikut **Garis Panduan Penyelenggaraan dan Semakan Laporan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM)** terkini. PTJ/Pejabat Pemungut hendaklah menyemak dan mengesahkan bahawa maklumat dalam pelaporan adalah tepat dan betul. Justeru itu, semua PTJ/Pejabat Pemungut juga dikehendaki mengemukakan Sijil Pengesahan Baki **selewat-lewatnya pada 14 haribulan bulan berikutnya**. Surat Peringatan akan dikeluarkan sekiranya arahan ini tidak dipatuhi.

4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan untuk mematuhi panduan yang ditetapkan amatlah dihargai bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan teratur dan tepat. Sebarang pertanyaan boleh diajukan kepada Unit Akaun.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MAZIAH BINTI MUSA C.A.(M))**  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pulau Pinang